



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

TEMUDUGA BAGI SEKTOR PERKHIDMATAN DI BAWAH SELIAAN KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)

Dimaklumkan bahawa sesi temuduga bagi sektor perkhidmatan di bawah seliaan **Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya** bagi **Sub Sektor Spa, Pusat Kesejahteraan dan Urutan, Hotel, Pulau Peranginan, Golf dan Taman Tema** akan diadakan seperti berikut:

- Tarikh** : 17 Februari 2025 hingga 27 Februari
(Isnin hingga Khamis)
- Masa** : 8.30 pagi hingga 12.00 tengahari
(Waktu mengambil nombor giliran)
- Tempat** : Pusat Sehati (*One Stop Centre – OSC*)
Pengurusan Pekerja Asing
Kementerian Dalam Negeri (KDN)
Aras 5, Setia Perkasa 9,
Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 Putrajaya

2. Majikan perlu mendapatkan **Kelulusan Awal Menggajikan Pekerja Asing di bawah Seksyen 60K Akta Kerja 1955** daripada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) terlebih dahulu sebelum hadir ke OSC KDN untuk sesi temuduga.

3. Borang dan senarai semak bagi sesi temuduga boleh didapati dan dimuat turun di portal KDN www.moha.gov.my di pautan Hal Ehwal Imigresen. Sebarang pertanyaan boleh diajukan di talian 03-8885 2940.

Sekian, terima kasih.

**PUSAT SEHENTI PENGURUSAN PEKERJA ASING
BAHAGIAN HAL EHWAL IMIGRESEN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

14 FEBRUARI 2025